



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 7 Mac 2025.

Untuk Terbitan Media

7 Mac 2025

SIARAN MEDIA

BALU DAN DUA ANAK LELAKI TERIMA PENCEN PENAKAT

IPOH, 7 Mac 2025 – Pemergian seorang suami dan bapa memang menyedihkan namun berkat caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), balu dan dua anak Allahyarham Safri Hisham Saaidin, 49, terus dilindungi.

Hasil caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), balu arwah, Norhazirah Aini Mohamed Idrus, 46, yang bekerja sebagai pelukis pelan di sebuah syarikat jurukur tanah berlesen, layak menerima Pencen Penakat secara bulanan seumur hidup.

Manakala dua orang anak lelaki Allahyarham, Safaraz Hazim, 15 dan Safaraz Huzaiman, 5, juga layak menerima pencen tersebut sehingga mereka mencapai usia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah sarjana muda pertama.

Allahyarham Safri Hisham yang berkhidmat sebagai kerani di Salutica Allied Solutions Sdn Bhd sejak tahun 1996 meninggal dunia pada 21 Januari 2025 meninggalkan waris dengan Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM3000.00 dan pencen penakat.

Majlis penyerahan berlangsung di kediaman Allahyarham, yang turut menerima kotak prihatin berisi barangan keperluan asas yang disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tebing Tinggi, Dr. Abdul Aziz Bari.

Turut hadir bersama dalam Ziarah Prihatin itu adalah Pengarah PERKESO Negeri Perak, V. Mohanadas.

Abdul Aziz berkata, kes berkenaan membuktikan peranan PERKESO dalam menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada golongan pekerja dan keluarga mereka.

“Perlindungan sosial yang disediakan bukan sahaja merangkumi bantuan kewangan tetapi turut menjadi asas penting dalam memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan tanggungan pekerja sekiranya berlaku musibah yang tidak diduga,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

7 Mac 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my